

## **BAB 8**

### **PENGENDALI DIPLOMATIK DI MELAKA**

#### **Pendahuluan**

Tun Perak merupakan seorang pengendali diplomatik yang hebat dan amat berwibawa dalam Kerajaan Melayu Melaka iaitu bersesuaian dengan jawatan yang disandangnya itu sebagai Bendahara Paduka Raja ataupun pengurus pentabiran negeri Melaka. Beliau telah berusaha untuk memperteguhkan dan memantapkan negeri Melaka dengan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara-negara luar. Hubungan ini adalah penting bagi Melaka kerana negeri tersebut adalah merupakan sebuah pusat perdagangan yang besar dan terpenting di rantau Asia Tenggara.

#### **Dasar Luar Melaka**

Tun Perak telah menjalankan dasar luar Melaka dengan begitu bijaksana sekali. Sebagai sebuah kerajaan yang mempunyai pusat perdagangan yang besar di rantau ini, tentulah Melaka mempunyai dasar luar yang tersendiri dan juga peraturan perutusannya ke negara-negara lain. Malah Melaka juga mempunyai sistem diplomasi yang jelas dan tegas agar setiap negeri yang ada hubungan dengan Melaka, faham dan tahu tentang kedudukan masing-masing.

Kesemua dasar ini adalah atas nasihat Tun Perak yang menjadi penasihat utama Sultan Melaka.

Dalam jangka masa 35 tahun, Melaka telah menganggap negara China sebagai penaungnya dan telah menghantar ufti ke negeri itu. Di samping itu juga, pada peringkat awal ini Melaka juga telah menjalankan dasar berbaik-baik dengan Pasai dan Jawa. Setelah merasakan dirinya kuat, Melaka mula menjalankan dasar penaklukkan ke atas negeri-negeri dan jajahan-jajahan yang kecil di sebelah-menyebelah Selat Melaka. Kemudian setelah berjaya mengalahkan serangan Siam sebanyak dua kali yang dipimpin oleh Tun Perak, Melaka merasakan dirinya sudah dapat menetapkan dasar ‘daripada banyak seteru, lebih baik banyak bersahabat.’ Oleh yang demikian dasar perhubungan antarabangsa perlulah dijalankan dengan lebih jelas dan tegas. Setiap negeri yang ada hubungan dengan Melaka akan diberi layanan mengikut status negeri tersebut.

Justeru itu, sebagai seorang pengendali hubungan diplomatik yang hebat, Tun Perak sebagai penasihat utama sultan telah menetapkan tiga jenis perutusan bagi negeri-negeri di sekitarnya sama ada di dalam atau di luar empayar Melaka. Negeri-negeri ini bolehlah dibahagikan kepada empat taraf atau darjah mengikut ukuran kerajaan Melaka.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Syed Zulfida, 1977. ‘Pekahwinan dan Sexualiti di dalam Sejarah Melayu’. *Jurnal Budaya Melayu* Jil.3 Bil.1, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.

Pertama bagi negeri yang dianggap lebih tinggi tarafnya daripada Melaka seperti China, pihak kerajaan Melaka telah menghantar ‘surat sembah’ serta ufti kepadanya. Manakala bagi negeri yang setaraf atau sama darjatnya dengan Melaka seperti Pasai dan Aru menerima ‘surat salam’ dari Melaka kerana kedua-dua negeri itu tidak dapat ditakluki sepenuhnya oleh Melaka. Bagi Pasai dan Aru, ‘surat salam’ yang dihantar adalah kerana kedua-duanya merupakan negara Islam. Negeri-negeri yang diluar Darul-Islam pula dikirimkan ‘surat kasih’.<sup>2</sup>

Bagi negeri yang tertakluk atau bernaung di bawah pemerintahan Melaka atau bernaung di bawah raja Melaka pula seperti Pahang, Siak, Rokan, Inderagiri, Kampar, Lingga, Kedah, Manjung, Beruas dan Terengganu adalah berbeza perutusannya. Negeri-negeri tersebut sendiri yang akan menyampaikan ‘surat sembah’ kepada Melaka. Negeri yang dianggap bermusuhan dengan Melaka seperti negeri Siam, kerajaan negeri Melaka telah menganggap negeri tersebut setaraf dengannya. Jika Siam tidak pernah bermusuhan dengan Melaka, tentunya negeri itu menerima ‘surat kasih’ tetapi oleh sebab permusuhan pernah wujud maka Raja Melaka menetapkan sembah pun jangan, salam pun tidak, surat kasih pun jangan. Ertinya Melaka menghantar sepucuk surat yang bersikap neutral di atas nasihat Bendahara Paduka Raja Tun Perak.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur: Nasional Berhad, hlm. 136.

<sup>3</sup> *Ibid.*, hlm. 136.

Perbezaan perutusan yang dijalankan oleh Melaka ini adalah atas nasihat Tun Perak sebagai bendahara Melaka yang sememangnya mahir dan pintar dalam bidang diplomasi ini. Kerajaan Melaka mempunyai adat menghantar surat dan perutusan dari Melaka. Tun Perak adalah orang yang bertanggungjawab mengarang surat-surat perutusan dan setelah dipersetujui oleh sultan barulah dimeterai dengan cop mohor diraja. Surat utusan tersebut akan dihantar oleh para menteri yang telah diberi persalinan yang lengkap. Kemudian utusan akan menjunjung duli baginda lalu surat dan bingkisan diarak orang ke perahu. Jika surat itu ke negeri yang setaraf dengan Melaka, surat itu akan diarak bergajah dikepulkan di balairung; dan yang menghantar surat itu adalah menteri. Maka diarak berpayung putih dengan gendang, serunai, dan nafiri. Menurut adat, apabila surat dari Melaka datang ke negeri takluk, surat itu akan disambut dan diarak seperti yang dilakukan di Melaka.<sup>4</sup>

Sebagai seorang pentadbir yang bijak, Tun Perak telah menetapkan adat menyambut surat perutusan yang sampai ke negeri Melaka. Apabila kerajaan Melaka menerima berita perutusan, sultan dan para pembesar akan berkumpul di balairung. Surat dan perutusan akan dibawa masuk ke balairung dan jika surat dari Aru atau Pasai, dijemput dengan selengkapnya menggunakan alat kerajaan seperti gendang, nafiri, serunai, negara dan payung putih dua berapit. Jika surat dari negeri lain, dikurangkan hormatnya daripada itu, sekadar gendang, serunai, payung kuning, dan jikalau patut bergajah,

---

<sup>4</sup> Malaysia Kita, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur: Nasional Malaysia Berhad, hlm. 136.

bergajah, jikalau patut berkuda, berkuda.<sup>5</sup> Adat perutusan ini adalah melambangkan kebesaran dan kemuliaan raja Melaka di peringkat antarabangsa.

Segala perutusan dan persuratan ke negeri-negeri luar Melaka telah ditulis dengan bahasa Melayu, dan dibawa oleh duta-duta dan utusan-utusan yang mahir dalam bahasa negeri yang hendak disampaikan surat itu. Ini bererti bahawa bahasa Melayu didaulatkan di negeri-negeri yang berbaik dengan Melaka. Penggunaan dan penyebaran bahasa Melayu begitu meluas sehingga Francois Valentijn menyatakan bahawa bahasa Melayu adalah bahasa antarabangsa dan barang siapa tidak mengetahui bahasa Melayu dari Parsi di sebelah barat hingga Filipina di sebelah timur, maka orang itu dianggap tidak berpendidikan. Hal yang demikian adalah berasaskan kemampuan dan daya usaha Kesultanan Melayu Melaka dalam mengendalikan perhubungan antarabangsa.<sup>6</sup>

Dasar luar yang dijalankan oleh Melaka ini adalah untuk memastikan empayar Melaka terus berkembang dan tetap menjadi sebuah pusat perdagangan dan penyebaran Islam yang utama di rantau ini.

---

<sup>5</sup> *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur: Nasional Malaysia Berhad, hlm. 136.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm. 139.

## Hubungan Dengan Negara China

Melaka telah mengadakan hubungan diplomatik dengan kerajaan China. Hubungan ini adalah sebagai langkah untuk melepaskan diri daripada cengkaman negeri Siam. Sultan Melaka telah mengambil kesempatan di atas dasar terbuka Yung-Lo yang mencari negeri-negeri baru yang ingin bernaung di bawah kerajaan China. Mereka mengadakan perhubungan dengan negeri tersebut bermula dalam tahun 1403. Setahun kemudian Raja Iskandar Syah menghantar utusannya ke negara China dan membuat aduan bahawa pihak Siam masih cuba mengancam Melaka. Ekoran daripada aduan itu Maharaja Yung Lo telah memberi amaran kepada pihak Siam agar tidak lagi mengganggu Melaka.<sup>7</sup>

Perhubungan diplomatik dengan negara China telah dapat memajukan Melaka sehingga ia dapat memperkuatkan kedudukannya dan menjadi sebuah pelabuhan perdagangan yang terpenting di Asia Tenggara pada masa itu.

Namun angkatan tentera Melaka di bawah pimpinan Tun Perak telah membuktikan bahawa kekuatan Melaka mula memuncak dan Melaka tidak lagi memerlukan bantuan mana-mana kuasa besar untuk melindunginya atau mempertahankan kedaulatannya. Selepas kejayaan ini, melalui nasihat Tun Perak, hubungan dengan Kerajaan China berjaya dipulihkan semula.

---

<sup>7</sup> Wang Gung Wu, 1968. 'The First Three Ruler of Malacca', *JMBRAS*, Volume 41: 1 Julai, 1968, hlm. 18

Beliau juga memulihkan kembali perhubungan baik dengan China pada tahun 1456 yang telah tergendala oleh rampasan kuasa yang berlaku di Melaka semasa pemerintahan Tamil Islam. Maharaja China memberi gelaran Sultan kepada Muzaffar Syah dan mengirimkan kepadanya sebuah topi kulit, sepasang pakaian, pakaian hari-hari yang dibuat daripada kain kasa, tali pinggang yang dihiasi dengan sumbu badak dan kepadanya dibuat daripada kain kasa.<sup>8</sup>

Apabila Sultan Muzaffar Syah meninggal dunia pada tahun 1459 baginda digantikan oleh anak lelakinya Raja Abdullah, yang mengambil gelaran Sultan Mansur Syah. Pada tahun pertama pemerintahannya baginda menghantar satu utusan ke China. Kapal utusan dari Melaka itu karam, tapi dua tahun kemudian satu utusan lagi dihantar sebagai membalaus utusan dari negeri China yang membawa kapal yang sarat dengan jarum. Utusan dari China tersebut ingin menggambarkan bahawa rakyat China adalah sangat ramai berbanding dengan Melaka.

Sebagai membalaus utusan tersebut, Tun Perpatih Putih iaitu adik Tun Perak telah diutus ke China oleh Sultan Mansur Syah dengan membawa sagu rendang sehingga sarat kapalnya. Apabila sampai ke negeri China maka Tun Perpatih Putih sebagai wakil Melaka telah menerangkan bahawa ramainya rakyat Melaka sehingga tidak terbilang. *Sejarah Melayu* ada menerangkan,

Itulah, tuanku, pada seorang-seorang disuruh  
raja kami mengolek dia. Demikianlah peri

---

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm 46

banyak rakyat raja kami, tida seorang pun yang tahu akan bilangannya.<sup>9</sup>

Pada zaman kegemilangan Melaka, corak hubungan dengan China bertukar menjadi hubungan diplomatik dan bukan lagi sebagai negeri lindungan. Maharaja China mula menghormati kerajaan Melaka dan menghadiahkan Puteri Hang Li Po sebagai isteri untuk Sultan Mansur Syah.

### **Hubungan Dengan Siam**

Tun Perak adalah orang yang bertanggungjawab menjalankan hubungan diplomatik dengan Siam. Hubungan Melaka dengan Siam adalah ‘dingin’ semenjak Melaka ditubuhkan oleh Parameswara. Siam merupakan sebuah kuasa yang besar dan kuat di rantau Asia Tenggara jika dibandingkan dengan Melaka pada awal penubuhannya. Malah Siam juga merupakan musuh yang sentiasa mengancam negeri Melaka. Siam telah menyerang Melaka sebanyak dua kali, tetapi telah berjaya dikalahkan oleh Melaka. Tun Perak orang yang bertanggungjawab atas kemenangan tersebut. Sebagai pemimpin angkatan tentera Melaka, Tun Perak telah merancang strategi peperangan dengan begitu bijak sekali, sehingga Melaka telah mencapai kemenangan yang gemilang.

Justeru itu, minat Siam terhadap Melaka mulai berkurangan setelah kekalahan tentera lautnya di Batu Pahat. Namun ciri-ciri permusuhan masih

---

<sup>9</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm.167.

berterusan dan sikap berdiam diri kerajaan Siam masih merisaukan Melaka.

*Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa,

Arakian Sultan Muzaffar Syah pun memberi titah pada sekalian menteri dan sida-sida dan bentara dan hulubalang sekalian. Apa bicara kamu sekalian? Maka sembah Perdana Menteri, Benarlah seperti titah itu, karena daripada banyak seteru, baik sahabat.<sup>10</sup>

Petikan di atas adalah menunjukkan bahawa Tun Perak telah mengambil inisiatif dengan menasihati Sultan Muzaffar Syah agar menghantar utusan damai ke Siam. Ini adalah kerana sebagai sebuah pusat perdagangan dan penyebaran Islam yang utama di rantau ini, lebih baik Melaka menjalankan dasar berbaik-baik dengan Siam kerana tidak ada gunanya Melaka terus bermusuhan dengan Siam yang menyebabkan rakyat Melaka tidak boleh pergi ke Siam dan rakyat Siam pula tidak dapat datang ke Melaka.

Justeru itu, Tun Perak telah mengarang surat utusan ke Siam kerana Tun Sri Lanang melaporkan bahawa beliau adalah seorang yang pintar bermain kata-kata dalam mengarang warkah untuk utusan diplomatik luar Melaka. Istilah seperti ‘sembah’, ‘kasih’, ‘salam’, dan ‘ampun’ contohnya membawa pengertian politik yang tersendiri dalam hubungan diplomatik Melaka dengan kuasa-kuasa luar dan serantau. *Sejarah Melayu* ada menyatakan bahawa,

---

<sup>10</sup> Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm.142.

Setelah sudah lengkap, maka titah Sultan Muzaffar Syah kepada Bendahara Paduka Raja dan segala menteri, Hendaklah tuan-tuan sekalian serta kita ke Benua Siam itu. Kehendak kita, sembah pun jangan, salam pun jangan, surat kasih pun jangan. Setelah sudah mendengar titah itu, maka kata Bendahara Paduka Raja pada segala pegawai sekalian, Hendak tuan sekalian karang surat seperti titah itu? Maka seorang pun tiada bercakap. Maka sekalian orang itu semuanya ditanyai oleh Bendahara, datangkan orang membawa epok dan ke mendelim, seorang pun orang tiada tahu. Maka Bendahara yang mengarang surat itu, demikian bunyinya lafaz surat itu, Hendaklah dilawani takut mudarat ke atas nyawa; sungguh dalam lawani, terlalu takut akan Paduka Bubunnya; daripada sangat harap akan ampun dan kurnia, maka menyuruhkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putra. Kemudian, maka kata yang lainlah pula. Maka berkenanlah bunyi lafaz surat itu kepada Sultan Muzaffar Syah.<sup>11</sup>

Petikan di atas jelas membuktikan kepada kita semua bahawa Tun Perak adalah seorang yang amat pintar bermain kata-kata sehingga menambat hati pemerintah Melaka. Bagi menjalinkan hubungan dengan pihak

---

<sup>11</sup>Cheah Boon Kheng, (susunan), 1998. Abdul Rahman Haji Ismail merumikkan dalam *Sejarah Melayu* MS. Raffles No.18, MBRAS, Kuala Lumpur, hlm.142.

Siam, Tun Perak telah menghantar Tun Telanai dan Menteri Jana Putra ke Siam. Setiap perutusan yang dihantar itu mestilah dipersetujui oleh sultan terlebih dahulu. Langkah bijak ini telah berjaya menjalinkan perdamaian dan menamatkan permusuhan tradisi di antara kedua-dua buah negara.

Jelas di sini, Tun Perak sebagai Bendahara akan memastikan setiap surat perutusan mestilah dikarang dengan baik. Bagi Tun Perak, menjalinkan perhubungan yang baik dengan negara-negara lain akan memantapkan lagi kedudukan empayar Melaka di rantau Asia Tenggara.

### **Hubungan Dengan Pasai**

Kepintaran dan kebijaksanaan Tun Perak dapat dilihat dengan jelas apabila beliau menasihati Sultan Melaka menjalinkan hubungan dengan Pasai. Pasai merupakan negeri yang tarafnya sama darjah dengan Melaka. Ini adalah kerana Pasai tidak dapat ditakluki sepenuhnya oleh Melaka. Pemerintah Pasai iaitu Sultan Zainal Abidin enggan menghantar surat sembah ke Melaka setelah berjaya mendapatkan takhta kerajaan Pasai di atas bantuan angkatan tentera Melaka yang diketuai oleh Tun Perak. Oleh yang demikian apabila baginda meminta bantuan kali kedua untuk menghapuskan pemberontakan, Tun Perak tidak lagi mahu membantu kerana keengganan baginda untuk mengakui pertuanan Melaka. Justeru itu atas nasihat Tun Perak, hanya surat salam

dihantar ke Pasai kerana Pasai merupakan negeri Islam.<sup>12</sup> Pasai adalah sebuah negeri yang terkenal dengan ketinggian ilmu agama Islam. Segala permasalahan mengenai ilmu agama akan dibawa ke Pasai kerana di sana ada ramai para ulama yang handal. Hubungan ini bertujuan untuk menjalinkan dan memantapkan hubungan politik dan kekerabatan dengan kerajaan Pasai yang pernah menjadi pusat penyebaran Islam yang terpenting di nusantara sebelumnya.

### **Hubungan Dengan Negara-negara Lain**

Sebagai seorang penasihat sultan yang paling utama, Tun Perak juga telah menasihati sultan supaya menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara yang lain. Perhubungan ini akan memberikan peluang yang lebih besar dan teguh kepada kerajaan Melaka untuk terus kekal sebagai pusat perdagangan yang terkemuka di rantau ini. Apabila kerajaan Melaka menjalinkan hubungan dengan negara-negara yang lain, secara tidak langsung kegiatan perdagangan akan terus berkembang kerana para pedagang dari negara yang ada hubungan diplomatik akan datang ke Melaka untuk berdagang.


Justeru itu perhubungan antarabangsa amat dititikberatkan oleh kerajaan Melaka. Melaka juga telah menjalinkan hubungan dengan Kepulauan Ryukyu (Jepun). Perhubungan Melaka dengan Jepun adalah amat baik antara

---

<sup>12</sup> *Malaysia Kita*, 1991. Institut Tadbiran Awam, Kuala Lumpur: Nasional Malaysia Berhad, hlm. 136

tahun-tahun 1460an sehingga 1480an. Perhubungan ini telah menggalakkan lagi para pedagang dari Kepulauan Ryukyu datang berdagang di Melaka.

**Gambar Rajah 8.1:** Dokumen ini merupakan surat (21.10. 1472) Raja Negeri Ryukyu Kepada Raja Melaka.



Sumber: Dipetik daripada Muhammad Yusof Hashim, 1996. *Tun Perak: dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa*, Batu Berendam Melaka: Institut Kajian Patriotisme, hlm. 23.

Kerajaan Melaka juga telah menjalinkan perhubungan dengan India.

Berikut adalah surat yang dibawa oleh Hang Tuah ke India:

Salam doa kekanda Seri Sultan Melaka datang kepada adinda Seri Sultan benua Keling yang empunya kerajaan negeri Bijaya Nagaram yang amat masyhur ke bawah angin. Kemudian daripada itu, kurnia kekanda menyuruhkan Laksamana Hang Tuah dan Maharaja Setia Hang Kasturi mengadap ke hadirat paduka adinda... Syahadan, pada bicara kekanda, antara Melaka dan Benua Keling itu hendaklah dihampirkan, janganlah lagi helat dalamnya...<sup>13</sup>

Surat di atas adalah bukti perutusan ke India. Perhubungan dengan India adalah amat perlu kerana ramai pedagang dari India yang datang berdagang di pelabuhan Melaka.

Dalam *Hikayat Hang Tuah* ada juga menyatakan bahawa Melaka menjalinkan perhubungan dengan Turki dan Vijaya Nagara.

Melaka juga telah menjalinkan hubungan dengan Jawa. Hubungan dengan Jawa adalah dibina atas sebab ekonomi. Melaka telah mengimport beras dari Pulau Jawa dan Pulau Jawa pula mengeksport bahan-bahan mentah terutama rempah dan lada dari Gugusan Kepulauan Melayu ke Melaka. Sultan Muzaffar Syah adalah orang yang bertanggungjawab bagi memastikan

---

<sup>13</sup> Kassim Ahmad, 1975. *Hikayat Hang Tuah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 340.

perhubungan ini terjalin dengan baik kerana perhubungan yang baik menggalakkan lagi para pedagang muslim pergi ke Jawa dan membawa beras ke Melaka. Ini dibuktikan oleh kenyataan Tome Pires bahawa:

...baginda (Sultan Muzaffar Syah) sentiasa mengekalkan persahabatannya dengan raja itu (Batara Majapahit); dan bekalan makanan yang banyak datang dari Jawa.<sup>14</sup>

Tun Perak telah mengamalkan *nepotisme* untuk memperteguhkan kedudukan beliau. Jawatan duta-duta ke negeri-negeri penting dipegang oleh ahli keluarganya seperti Tun Perpatih Putih iaitu adiknya telah diangkat menjadi duta ke negeri China, Tun Telanai pula yang merupakan anaknya dihantar ke Siam, serta Tun Mat Pikrama Wira telah diangkat menjadi Paduka Tuan selepas berperang di Pasai dan menentang Aru. Anak-anak saudara Tun Perak juga apabila besar turut memegang jawatan tertinggi. Tun Tahir dan Tun Mutahir yang merupakan anak Tun Kudu dengan Tun Ali menjadi Penghulu Bendahari dan Temenggung, Tun Naja pula telah dikahwinkan dengan Sultan Alauddin Riayat Syah. Manakala, pembesar lain juga turut diangkat menjadi menteri. Dalam perlaksanaan hukuman ke atas Hang Tuah, dibiarkan Seri Nara Aldiraja Tun Ali menyelesaikannya. Beliau tidak mahu membabitkan diri dalam melaksanakan setengah-setengah keputusan raja yang mungkin

---

<sup>14</sup> Armando Cartesao, (ed), 1944. *The Suma Oriental of Tome Pires*, Jil. 2. London: Hakluyt Society, hlm.246.

dianggapnya tidak adil. Kebijaksanaan Tun Perak sebagai diplomat dapat dilihat apabila Raja Muhammad di Pahang bangkit memberontak menentang Melaka, maka beliau menasihati Sultan Alauddin menghantar Laksamana untuk menyelesaikan masalah itu tanpa berperang.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, Tun Perak merupakan seorang diplomat yang berwibawa di dalam Kesultanan Melayu Melaka. Beliau amat pintar mengatur rancangan dalam menjalinkan hubungan diplomatik. Ini dapat dilihat apabila setiap negara yang ada hubungan dengan Melaka mempunyai sebab-sebab tertentu seperti hubungan dengan China dan juga Siam serta Pasai. Hubungan diplomatik dengan negara-negara luar yang telah disyorkan oleh Tun Perak ini ialah merupakan satu dasar luar dan diplomasi Melaka yang baik lagi berkesan. Kerajaan Melayu Melaka telah berjaya mengimbangi kekuatan Siam dengan menggunakan kuasa China. Corak hubungan yang memperlakukan kuasa-kuasa besar ini memberi peluang kepada Melaka untuk membangun sehingga menjadi sebuah negara penakluk yang digeruni sekaligus telah berjaya menjadi sebuah empayar yang besar dan kuat.

Selaku pengendali diplomatik kerajaan Melaka, Tun Perak telah berjaya mengangkat nama kerajaan Melaka di luar negeri, menyebabkan Melaka disegani, dan dihormati. Justeru itu di atas kebijaksanaan beliau juga, hubungan diplomatik Melaka dengan negara-negara lain berjalan dengan lancar dan Kesultanan Melayu Melaka terkenal di seluruh dunia serta

memberikan peluang kepada Melaka untuk membangun sehingga menjadi sebuah empayar pada abad ke-15 M.